PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU PERTAMA 2004

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan ekonomi global yang kukuh di negara-negara utama dan serantau.

Keadaan ekonomi global terus bertambah baik pada suku pertama 2004, diterajui oleh **Amerika Syarikat** (AS) dan disokong oleh pemulihan pertumbuhan yang kukuh di **Jepun** serta perkembangan yang memberangsangkan di rantau Asia yang baru muncul, khususnya di Republik Rakyat China (R.R. China).

Pengembangan ekonomi AS mapan pada kadar 4.2% pada suku pertama (S4 '03: 4.1%), didorong oleh perbelanjaan pengguna, pelaburan dan pertambahan inventori. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih kukuh ini diiringi oleh jangkaan peningkatan inflasi di beberapa negara utama berikutan kenaikan harga tenaga. Di **kawasan euro**, perbelanjaan pengguna dan sentimen yang lemah terus mengekang pertumbuhan. Sementara itu, pemulihan ekonomi **Jepun** bertambah meluas dengan pengukuhan penggunaan swasta disebabkan oleh perbelanjaan modal dan eksport yang mapan serta keadaan pasaran pekerja yang semakin memuaskan. Pada suku pertama pasaran ekuiti global kekal melambung berikutan prospek global yang bertambah baik, keuntungan korporat yang lebih tinggi dan jangkaan perniagaan yang positif. Kos pinjaman kekal rendah, disokong terutamanya oleh pemulihan kitaran pelaburan global. Momentum perkembangan ekonomi global selanjutnya bergantung kepada pengukuhan seterusnya pelaburan perniagaan dan keseimbangan semula pertumbuhan yang terus berlaku antara AS, negeri Jepun dan negara-negara perindustrian utama serta ekonomi rantau Asia dan tindak balas peniaga dan pengguna terhadap peningkatan faedah AS.

Di rantau **Asia**, pertumbuhan ekonomi bertambah kukuh dengan beberapa negara mencatat pertumbuhan memberangsangkan antara 5-9%. Pertumbuhan ekonomi disokong oleh peningkatan yang kukuh dalam perdagangan serantau, pengukuhan sektor elektronik global dan lonjakan permintaan dalam negeri, terutamanya aktiviti pelaburan swasta dan peningkatan perbelanjaan pengguna dikebanyakan negara di rantau tersebut. R.R. China mencatat pertumbuhan paling kukuh justeru, menimbulkan kebimbangan akan berlakunya kemeruapan

Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK benar menunjukkan prestasi yang lebih baik

	2003			2004	Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS [1]	2.0	4.1	3.1	4.2	Perbelanjaan pengguna, pelaburan dan pertambahan semula inventori menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.
UK	1.9	2.7	2.3	3.0	Pertumbuhan terus disokong oleh perbelanjaan pengguna dan sektor perkhidmatan.
Jerman	-0.2	0.1	-0.1	0.7	Perbelanjaan pengguna dan sentimen yang lemah terus mengekang pertumbuhan ekonomi.
Jepun [1]	2.2	6.4	2.7	5.6	Pertumbuhan yang mantap dalam eksport, perbelanjaan modal dan penggunaan swasta terus menyokong pemulihan.

[1] berasaskan kadar tahunan

dalam ekonomi. Dengan itu R.R. China telah mengambil langkah-langkah mengawal pelaburan yang berlebihan dalam sektor dan industri terpilih dengan menaikkan keperluan ekuiti bagi pelaburan dan mengetatkan dasar monetari bagi mengawal pertumbuhan kredit. Di Singapura, kebimbangan tentang inflasi muncul berikutan pertumbuhan ekonomi yang semakin mengukuh dengan ketara, mendorong pihak berkuasa mengambil langkah awal dengan membenarkan peningkatan sederhana dan secara beransur-ansur kadar pertukaran mata wang asing dolar Singapura.

Negara-negara Asia:
Pertumbuhan KDNK yang pesat pada suku pertama

	2003			2004	Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan Tahunan (%)				
Republik Rakyat China	9.9	9.9	9.1	9.8	Disokong oleh pertumbuhan pelaburan aset dan prestasi eksport yang kukuh.
Singapura	1.7	4.9	1.1	7.5	Pertumbuhan meluas dengan perkembangan pengeluaran yang lebih kukuh bagi industri-industri pembuatan barangan dan perkhidmatan.
China Taipei	3.5	5.2	3.2	6.3	Disokong oleh pertumbuhan eksport yang mapan.
Korea	3.7	3.9	3.1	5.3	Disokong oleh pengukuhan eksport dan pelaburan sektor pembinaan.

Keadaan **inflasi** kekal rendah di kebanyakan negara serantau walaupun harga pengguna meningkat berikutan harga tenaga dan bahan mentah yang lebih tinggi. Di China Taipei, tekanan deflasi bertukar arah apabila harga pengguna meningkat sebanyak 0.5% disebabkan oleh keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh serta harga makanan dan petroleum yang lebih tinggi. Mencerminkan keadaan mudah tunai yang mencukupi, kadar faedah di kebanyakan negara serantau kekal tidak berubah.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, penyusutan nilai dolar AS adalah terkawal berikutan peningkatan jangkaan kadar faedah yang lebih tinggi dan prospek pertumbuhan ekonomi di AS yang lebih mantap. Sementara itu, mata wang-mata wang serantau berbanding dolar AS ditutup bercampur-campur. Penyusutan nilai rupiah Indonesia dan peso Filipina mencerminkan terutamanya permintaan terhadap dolar AS oleh sektor korporat bagi pembayaran hutang dan import dan keadaan ketidaktentuan sebelum pilihan raya presiden. Sebaliknya, dolar Taiwan dan won Korea, naik nilai dengan ketara pada suku pertama disebabkan oleh peningkatan aliran masuk dana serta pengukuhan nilai mata wang yen pada bulan Mac. Dolar Singapura juga naik nilai kerana hubungan positifnya dengan yen sementara baht Thailand naik nilai disebabkan oleh aliran masuk ekuiti asing yang berterusan. Pengukuhan nilai dolar AS sejak April, ekoran jangkaan peningkatan kadar faedah di AS mendorong penyusutan nilai keseluruhan mata wang serantau, terutamanya won Korea dan baht Thailand.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan yang memberangsangkan di sektor utama

Dari segi penawaran, pertumbuhan adalah meluas diterajui oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan, dan diperkukuhkan lagi oleh pengembangan dalam kesemua sektor. Berikutan persekitaran luaran yang bertambah baik, sektor perkilangan terus memberi kesan positif yang kukuh kepada pertumbuhan, iaitu menyumbang 3.8 mata peratusan kepada KDNK. Sektor perkhidmatan bertambah kukuh dengan ketara, mencerminkan perkembangan yang meluas dalam kesemua subsektor.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	4.7	1.9	5.7	3.2
Perlombongan	4.6	5.3	5.9	5.6
Perkilangan	5.8	12.2	8.3	12.5
Pembinaan	1.2	2.7	1.9	0.6
Perkhidmatan	4.7	4.7	4.4	6.2
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	4.6	6.6	5.3	7.6
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	-4.6	2.7	5.3	-3.7

Walaupun musim pengeluaran yang rendah bagi beberapa keluaran pertanian yang utama, sektor komoditi utama menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada suku tersebut. Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor pertanian dan perlombongan turut disokong oleh paras harga komoditi yang mapan dan tinggi.

Pengembangan pesat sektor perkilangan kekal mapan

Pertumbuhan dalam **sektor perkilangan** terus berkembang dengan pesat sebanyak 12.5% pada suku pertama 2004 (S4 2003: 12.2%), didorong oleh peningkatan dalam eksport dan permintaan dalam negeri yang mapan. Pengembangan tersebut disokong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri berorientasikan eksport (19.4%; 17.7% pada S4) dan pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri (6.2%; 8.8% pada S4). Walaupun terdapat peningkatan kapasiti dalam beberapa industri, kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan kekal tinggi pada 82% (S4 2003: 82%) dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada 86% dan 75% (S4 2003: masing-masing pada 88% dan 74%).

Prestasi yang lebih kukuh dalam **industri berorientasikan eksport** terus dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi industri separa konduktor (33.3%), keluaran getah (30.6%) dan keluaran kimia (17%).

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Pertumbuhan dalam industri separa konduktor disokong terutamanya oleh permintaan global yang memberangsangkan hasil daripada perbelanjaan korporat yang lebih tinggi bagi barangan teknologi maklumat dan pertumbuhan pesat dalam segmen keluaran tanpa wayar. Pertumbuhan kukuh dalam sektor elektronik memberi kesan positif ke atas industri kimia dengan permintaan yang tinggi terhadap keluaran berasaskan plastik serta permintaan dalam negeri yang lebih kukuh bagi gas perindustrian. Pengeluaran yang lebih tinggi juga dicatat dalam industri keluaran getah disebabkan terutamanya oleh permintaan eksport yang lebih tinggi bagi sarung tangan getah.

Pertumbuhan dalam **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** disokong terutamanya oleh pengembangan dalam industri keluaran logam yang direka, makanan dan keluaran besi dan keluli hasil daripada permintaan dalam dan luar negeri yang lebih tinggi. Sementara itu, pengeluaran kelengkapan pengangkutan kekal rendah disebabkan oleh permintaan yang lemah bagi kereta penumpang, terutamanya pada awal tahun.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (harga malar)	5.9	12.2	8.3	12.5
Pengeluaran Keseluruhan	7.6	15.7	10.5	16.3
Industri berorientasikan eksport antaranya:	8.0	17.7	11.9	19.4
- Elektronik	8.6	30.4	15.1	33.3
- Barangan Elektrik	-4.3	-3.5	-7.0	-6.5
- Tekstil & pakaian	0.8	-11.1	-2.2	-10.6
- Bahan kimia dan keluaran kimia	16.4	22.7	20.8	17.0
- Pemprosesan luar estet	4.5	0.0	11.8	3.3
- Keluaran getah	9.6	23.9	18.7	30.6
- Kayu dan keluaran kayu [1]	4.3	-0.9	0.9	13.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri antaranya:	6.4	8.8	6.1	6.2
- Kelengkapan pengangkutan	-6.6	3.4	-5.5	0.7
- Keluaran logam yang direka	3.8	17.5	7.4	28.2
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	16.7	13.3	10.8	6.4
- Keluaran galian bukan logam	10.0	8.3	9.7	-1.5
- Keluaran petroleum	1.9	-1.2	2.3	-2.0
- Makanan	5.5	7.2	8.8	7.1
Jumlah Eksport Perkilangan	6.6	14.1	8.3	16.3
- Elektronik & barangan elektrik [2]	0.7	13.2	5.3	14.0
- Keluaran kayu	13.2	9.7	6.1	18.4
- Barangan perabot	8.9	18.2	8.9	14.5
- Tekstil, pakaian & kasut	8.4	0.3	2.3	17.3
- Peralatan optikal & saintifik	19.1	12.5	13.0	8.5
- Bahan kimia dan keluaran kimia	33.9	24.4	23.3	24.8
- Keluaran petroleum	67.3	10.5	23.6	19.0

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.
[2] Eksport elektronik dan barangan elektrik bagi S1 2004 termasuk data yang telah disemak daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sektor perkhidmatan bertambah kukuh

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** bertambah kukuh dengan ketara kepada 6.2% pada suku pertama (S4 2003: 4.7%) dengan subsektor utama mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran disokong terutamanya oleh sentimen pengguna yang bertambah baik dan peningkatan ketara dalam ketibaan pelancong pada suku berkenaan. Ketibaan pelancong mencatat jumlah tertinggi sebanyak hampir 4 juta orang pada suku tersebut. Ketibaan pelancong dari Singapura meningkat dengan

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	4.8	5.8	5.5	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	5.2	8.0	5.7	7.4
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	4.5	4.6	5.4	7.4
Perkhidmatan Akhir	4.7	3.9	3.7	5.5
Elektrik, gas dan air	7.3	5.5	5.7	8.1
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	3.0	3.1	1.5	5.6
Perkhidmatan Kerajaan	8.0	5.1	7.6	3.2
Perkhidmatan lain	3.7	3.4	3.3	5.9
Jumlah Perkhidmatan	4.7	4.7	4.4	6.2

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

Penunjuk	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Tahap			
BSKL IK (akhir tempoh)	635.7	793.9	793.9	901.9
Indeks Sentimen Pengguna MIER	105.2	115.5	-	117.5
Indeks Kajiselidik Runcit MIER	78.1	114.0	-	119.0
Indeks Pengusaha Hotel MIER	101.5	133.6	-	134.5
Indeks Agensi Pelancongan MIER	87.8	138.1	-	124.9
	Perubahan tahunan (%)			
Indeks Pengeluaran Elektrik	7.5	5.6	5.7	7.8
Ketibaan pelancong	-6.5	3.8	-20.4	38.4
Import barangan pengguna	4.6	13.9	1.1	14.3
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	3.1	4.2	4.2	13.0
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	9.1	10.7	2.0	10.9
Jumlah TEU yang dikendali [1]	19.1	11.2	15.6	15.8
Jumlah baki pinjaman (akhir tempoh)	3.5	4.8	4.8	5.7
Jumlah urusniaga harta tanah (nilai)	3.3	51.3	11.8	30.1

[1] Untuk PTP dan Pelabuhan Klang
Sumber: Pelbagai sumber

nyata sebanyak 66.3%, sementara ketibaan dari negara lain meningkat sebanyak 9.8%. Berikutan ketibaan pelancong dan aktiviti perdagangan yang lebih kukuh pada suku tersebut, pertumbuhan jumlah penumpang udara dalam segmen tempatan dan antarabangsa, serta aktiviti pengangkutan laut dan pelabuhan adalah memberangsangkan. Pertumbuhan yang kukuh dalam sektor telekomunikasi diterajui oleh segmen mudah alih dalam suasana bilangan pelanggan dan panggilan antarabangsa yang meningkat serta penggunaan aplikasi baru yang lebih meluas. Faktor-faktor ini menyumbang kepada pertumbuhan kukuh dalam subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan.

Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan melonjak dengan mendapat manfaat daripada pertumbuhan pinjaman bank yang lebih tinggi. Ia diperkukuh oleh prestasi subsektor insurans yang terus memberangsangkan serta aktiviti pasaran saham dan harta tanah yang lebih kukuh. Permintaan bekalan tenaga elektrik yang meningkat, terutamanya daripada sektor komersial dan industri, memperkukuh pertumbuhan subsektor utiliti.

Prestasi sektor komoditi utama yang menggalakkan dalam keadaan harga kukuh

Pengeluaran sektor pertanian dan perlombongan terus meningkat pada suku pertama 2004. Sungguhpun suku pertama merupakan musim pengeluaran yang rendah bagi getah dan kelapa sawit, sektor pertanian meningkat sebanyak 3.2% kerana harga yang kukuh telah memberikan insentif untuk meningkatkan penggunaan input pertanian bagi merangsang keluaran yang lebih tinggi. Pertumbuhan sektor pertanian turut disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran kegiatan pertanian yang lain seperti perikanan dan ternakan. Sementara itu, sektor perlombongan berkembang 5.6%, didorong terutamanya oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah dan diperkukuh oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pengeluaran gas asli.

Di **sektor pertanian**, pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah menyederhana kepada 2.5% (S4 2003: 5.4%), mencerminkan musim pengeluaran yang rendah serta kitaran penurunan hasil selepas prestasi kukuh selama beberapa suku pada tahun 2003. Pengeluaran purata bulanan minyak sawit mentah merosot di bawah paras 1 juta tan (0.89 juta tan; S4:1.13 juta tan) pada suku tersebut disebabkan terutamanya oleh hasil tandan buah segar yang ketara rendah kepada 3.69 tan bagi sehektar kawasan matang berbanding dengan 4.74 tan pada S4 2003. Sebaliknya, pengeluaran getah terus berkembang dengan nyata walaupun bulan Februari dan Mac merupakan musim daun luruh, yang lazimnya mengurangkan hasil susu getah. Pengeluaran getah yang lebih tinggi pada suku pertama tahun 2003 secara khususnya adalah ekoran daripada aktiviti penorehan aktif yang berterusan, terutamanya di kalangan pekebun kecil getah, memandangkan harga kekal pada paras yang menguntungkan dengan purata 476 sen sekilogram (SMR20; S4 2003: 485 sen sekilogram).

Prestasi Sektor Pertanian

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**4.7**	**1.9**	**5.7**	**3.2**
Pengeluaran[1] *antaranya:*				
Minyak sawit mentah	0.4	5.4	12.1	2.5
Minyak isirung sawit mentah	-5.0	3.4	11.6	3.8
Getah	15.2	12.4	10.8	32.0[2]
Kayu balak	16.1	-6.8	3.5	-20.7
Koko	22.0	-42.0	-24.0	-32.5
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**42.0**	**14.8**	**28.1**	**13.7**
Minyak sawit				
('000 tan)	9.3	0.7	15.2	4.0
(RM/tan)	41.4	10.6	18.3	6.4
(RM juta)	54.6	11.4	36.3	10.7
Minyak isirung sawit				
('000 tan)	-33.9	42.4	18.3	10.6
(RM/tan)	51.0	10.3	17.9	23.6
(RM juta)	-0.2	57.0	39.5	36.7
Getah				
('000 tan)	13.4	9.7	1.9	24.0
(sen/kilogram)	57.6	36.1	41.1	35.9
(RM juta)	78.7	49.4	43.8	68.4
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	6.3	261.2	108.4	-2.6
(RM/meter padu)	1.4	-70.8	-50.1	3.7
(RM juta)	7.7	5.6	4.1	0.9
Kayu balak				
('000 meter padu)	12.9	9.9	7.9	-21.5
(RM/meter padu)	23.0	-5.7	2.0	0.3
(RM juta)	38.8	3.7	10.0	-21.3
Koko				
('000 tan)	51.7	-53.6	-37.9	-76.0
(RM/tan)	62.9	-11.0	20.9	-20.3
(RM juta)	147.2	-58.7	-25.0	-80.9

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dan kayu siap digergaji dalam '000 meter padu
[2] Jan-Feb

Pertumbuhan **sektor perlombongan** meningkat 5.6%, disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) yang lebih tinggi, di samping peningkatan yang berterusan dalam pengeluaran gas asli. Pada suku pertama tahun 2004, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) meningkat 8% kepada 772,800 tong sehari berikutan permintaan luaran yang kukuh (8.1%), terutamanya daripada para pembeli utama di rantau ini. Sementara itu, pengeluaran gas asli terus meningkat sebanyak 2.3% berikutan pertambahan dalam kapasiti pengeluaran dengan bermulanya operasi loji MLNG yang baru dan beberapa buah medan gas baru pada tahun 2003. Pertumbuhan turut disokong oleh permintaan terhadap gas asli cecair yang lebih tinggi, khususnya daripada pembeli utama, iaitu Jepun dan Korea.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**4.6**	**5.3**	**5.9**	**5.6**
Pengeluaran *antaranya:*				
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	2.3	6.4	5.6	8.0
Gas asli (bersih) (juta kaki padu)	8.5	5.4	7.2	2.3
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**54.6**	**26.1**	**33.1**	**15.9**
Minyak mentah				
('000 tan)	6.0	19.3	10.6	3.6
(AS$/tong)	61.6	12.6	22.0	4.4
(RM juta)	71.2	34.3	35.0	8.1
Gas asli cecair				
('000 tan)	5.8	16.7	16.0	18.3
(RM/tan)	35.2	-0.1	16.2	-2.3
(RM juta)	43.0	16.6	34.8	15.6

Subsektor kediaman penyumbang kepada pertumbuhan sektor pembinaan

Sektor pembinaan meningkat 0.6% pada suku pertama (S4 2003: 2.7%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam subsektor kediaman. Permintaan bagi harta tanah kediaman terus kukuh kerana kadar faedah yang rendah turut disokong oleh pakej pinjaman perumahan yang menarik di samping insentif yang ditawarkan di bawah Pakej Ekonomi. Insentif tersebut akan kekal sehingga 31 Mei 2004. Sebaliknya, aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam terus

lembap disebabkan oleh siapnya beberapa projek infrastruktur yang utama pada tahun 2003 serta pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan, sejajar dengan konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan. Subsektor bukan kediaman yang mengalami kelembapan semenjak beberapa tahun yang lalu menunjukkan sedikit peningkatan pada suku pertama seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam urus niaga harta tanah komersial dan pengukuhan dalam kadar penghunian ruang komersial.

Aktiviti dalam sektor pembinaan pada suku pertama turut terjejas oleh kekurangan sementara bekalan batang besi yang mengakibatkan kelewatan beberapa projek pembinaan, terutamanya dalam subsektor kejuruteraan awam. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, termasuk melonggarkan sekatan ke atas import batang besi dan bilet untuk tempoh enam bulan serta kawalan yang lebih ketat ke atas eksport batang besi mulai 25 Februari 2004. Selain daripada itu, Kerajaan juga menaikkan harga maksimum bagi batang besi dan bilet sebanyak 28 - 45% pada bulan April. Langkah-langkah tersebut dijangka dapat mengurangkan masalah kekurangan bekalan dan membolehkan aktiviti pembinaan kembali normal.

Penunjuk Pembinaan

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan iklan baru	-24.5	21.5	-2.7	42.0
Kelulusan perumahan	-30.7	26.7	3.3	48.5
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	13.0	10.6	10.2	2.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	19.9	15.9	-5.0	-36.8
Import bahan binaan dan bahan galian	3.6	17.8	-6.7	11.5*

* Jan-Feb. 2004

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus meningkat, diterajui oleh sektor swasta

Permintaan dalam negeri terus meningkat pada suku pertama 2004. Pertumbuhan diterajui oleh sektor swasta memandangkan peningkatan sektor awam kekal sederhana sejajar dengan teras pengukuhan fiskal. Pertumbuhan dalam sektor swasta adalah didorong oleh penggunaan isi rumah yang tinggi dan pengukuhan aktiviti pelaburan sektor swasta.

Pertumbuhan **penggunaan swasta** kekal kukuh pada suku pertama (8.4%, 4Q 2003: 8.6%), sejajar dengan peningkatan keyakinan pengguna. Kecenderungan mengguna disokong oleh pendapatan boleh guna yang kekal meningkat dengan mapan hasil daripada harga komoditi yang kekal tinggi, perolehan eksport yang tinggi, dan keadaan perniagaan yang secara umumnya meningkat; persekitaran kadar faedah yang rendah, akses pembiayaan yang mudah, dan juga pasaran pekerjaan yang stabil. Peningkatan prestasi pasaran saham pada suku pertama juga menghasilkan kesan kekayaan yang positif kepada pengguna. Promosi perayaan dan Jualan Mega yang menarik juga menggalakkan perbelanjaan isi rumah. Indeks Sentimen Pengguna MIER suku pertama yang lebih tinggi (117.5 mata, 4Q 2003: 115.5 mata) menunjukkan pengguna lebih optimistik terhadap prospek pekerjaan dan tahap pendapatan. Penunjuk penggunaan yang utama seperti import barangan penggunaan, pinjaman yang dikeluarkan kepada isi rumah dan perbelanjaan pengguna melalui kad kredit menunjukkan peningkatan penggunaan swasta pada suku pertama.

Sementara itu, **penggunaan awam** terus meningkat, walaupun dengan sederhana sebanyak 9.2% (4Q 2003: 12.2%) disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	7.1	7.7	5.9	7.0
Penggunaan	8.6	9.5	7.4	8.6
Sektor swasta	*5.9*	*8.6*	*6.6*	8.4
Sektor awam	*21.3*	*12.2*	*10.0*	9.2
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.8	3.6	2.7	3.5
Export Barangan dan Perkhidmatan	5.5	10.9	6.3	15.1
Import Barangan dan Perkhidmatan	2.8	15.9	5.0	19.3
KDNK	**4.6**	**6.6**	**5.3**	**7.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Kekal Mapan



Pertumbuhan **pembentukan modal tetap kasar** kekal positif (3.5%, 4Q 2003: 3.6%) pada suku pertama dengan pertumbuhan perbelanjaan modal sektor swasta semakin mendapat momentum. Pelaburan dalam negeri yang kukuh disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan semula yang berterusan. Pelaburan dalam jentera dan alat kelengkapan dan peningkatan kapasiti terus kukuh disebabkan oleh sentimen perniagaan yang terus meningkat dan penggunaan kapasiti yang kekal tinggi. Peningkatan sentimen perniagaan dalam sektor swasta ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER, yang meningkat sebanyak 2.1 mata kepada 112 mata pada suku pertama (4Q 2003: 109.9 mata) disebabkan oleh peningkatan jualan, pertambahan eksport dan tempahan tempatan serta peningkatan aktiviti pengeluaran. Di samping itu, pertumbuhan positif juga dicatat oleh penunjuk seperti pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan, import barangan modal dan jualan kenderaan komersial memberikan bukti yang kukuh bahawa aktiviti pelaburan telah bertambah pada suku pertama. Pelaburan sektor awam berkurangan seperti yang ditunjukkan oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah pada suku pertama (-38%). Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada pendidikan dan latihan, kesihatan, infrastruktur pengangkutan dan pertanian.

Peningkatan Keyakinan Pengguna dan Perniagaan



Inflasi kekal rendah

Meskipun permintaan dalam negeri semakin kukuh, inflasi terus berada pada paras yang rendah pada suku pertama 2004. Bekalan yang mencukupi dan suasana persaingan mengekang peningkatan harga. Kadar inflasi tahunan seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), adalah lebih rendah sedikit iaitu sebanyak 1% pada suku tahun pertama (1.2% pada S4 2003). Ini disebabkan oleh peningkatan harga makanan, sewa kasar, bahan api dan kuasa, serta pengangkutan dan perhubungan yang lebih rendah di samping penurunan yang berterusan harga pakaian dan kasut, serta perabot dan pengendalian rumah. Peningkatan harga makanan yang lebih perlahan sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan harga makanan yang sederhana di rumah dan penurunan harga buah-buahan.

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan Pasaran Pekerja Kekal Stabil

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil sepertimana yang ditunjukkan oleh indeks pekerjaan MIER. Pasaran pekerja terus disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam produktiviti. Dalam sektor perkilangan, produktiviti pekerja, seperti yang diukur melalui nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja meningkat 8.9% pada suku pertama melebihi peningkatan sebanyak 2.3% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Sebagai mencerminkan kestabilan keadaan, kekosongan pekerjaan seperti yang dilaporkan kepada pihak berkuasa pada suku ini melebihi pemberhentian pekerja (masing-masing 7,850 jawatan dan 4,463 orang).

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Eksport dan import mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh

Sejajar dengan perkembangan pelaburan, lebihan perdagangan walaupun kekal besar pada RM18.6 billion, berkurangan sedikit daripada nilai lebihan sebanyak RM19.9 bilion yang dicatat pada suku keempat 2003. Sementara eksport kasar berkembang sebanyak 16.6%, import kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh iaitu 23.4%.

Eksport kasar berkembang disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam eksport barangan perkilangan dan perkembangan mapan dalam eksport komoditi

pertanian, manakala perolehan daripada mineral berkembang pada kadar yang lebih sederhana. Pada suku pertama 2004, prestasi eksport didorong terutamanya oleh jumlah eksport yang lebih tinggi (14.6%) kerana harga eksport kekal hampir tidak berubah (0.1%). Sejajar dengan persekitaran luaran yang lebih memuaskan, eksport barangan perkilangan terus meningkat pada kadar dua angka sebanyak 16.3% (S4 2003: 14.1%). Prestasi yang memuaskan itu adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih kukuh bagi elektronik, keluaran elektrik, bahan kimia dan keluaran logam. Eksport elektronik mendapat manfaat daripada permintaan global yang bertambah baik, terutamanya dari Amerika Syarikat dan rantau Asia Pasifik. Peningkatan yang lebih tinggi bagi eksport bahan kimia dan keluaran logam adalah didorong terutamanya oleh peningkatan permintaan dari negara-negara serantau dan sebahagian lagi disebabkan oleh harga eksport yang lebih tinggi. Eksport barangan perkilangan utama yang lain, iaitu tekstil, keluaran kayu, keluaran getah, keluaran petroleum, dan perabot dan bahagian-bahagiannya juga berkembang dengan kukuh.

Akaun Perdagangan

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport kasar	**12.3**	**15.2**	**11.6**	**16.6**
Perkilangan	*6.6*	*14.1*	*8.3*	*16.3*
Pertanian	*42.0*	*14.8*	*28.1*	*13.7*
Galian	*54.6*	*26.1*	*33.1*	*15.9*
Import kasar	**4.0**	***16.1***	**4.8**	**23.4**
Barangan modal	*2.1*	*14.7*	*0.7*	*23.4*
Barangan pengantara	*3.4*	*18.4*	*6.5*	*22.6*
Barangan penggunaan	*4.6*	*6.5*	*-0.4*	*14.3*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**20.2**	**19.9**	**81.1**	**18.6**

Nota: Eksport kasar untuk S1 2004 termasuk data yang disemak semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, peningkatan dalam eksport perkilangan disebabkan oleh jumlah eksport (15.7%) yang lebih tinggi memandangkan harga eksport merosot pada suku pertama 2004 (-1.1%).

Eksport komoditi pertanian berkembang sebanyak 13.7% (S4 2003: 14.8%), disokong oleh peningkatan eksport minyak sawit, getah dan kayu siap digergaji. Eksport minyak sawit meningkat sebanyak 10.7% didorong oleh harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi. Harga minyak sawit meningkat kepada harga purata RM1,764 setan pada suku tersebut berikutan kekangan penawaran minyak sayuran sedunia, khususnya minyak kacang soya, yang merupakan pengganti paling hampir bagi minyak sawit. Walaupun eksport minyak sawit Malaysia ke India, iaitu salah sebuah negara pembeli terbesar, merosot disebabkan hasil tuaian minyak bijirin domestiknya yang lebih tinggi, namun pembelian oleh negara utama lain seperti China, Kesatuan Eropah dan Timur Tengah kekal kukuh dan meningkat antara 18 dan 33%.

Perolehan eksport mineral berkembang sebanyak 15.9% (S4 2003: 26.1%), disokong oleh peningkatan dalam hasil daripada minyak mentah dan gas asli cecair. Pada suku tersebut, minyak mentah Malaysia mencatat harga eksport yang lebih tinggi, berpurata AS$34.07 setong, berikutan sentimen pasaran minyak antarabangsa yang dipengaruhi oleh keadaan geopolitik semasa. Permintaan dari negara-negara Asia dan Australia mencakupi hampir 80% daripada jumlah eksport. Sementara itu, hasil eksport gas asli cecair meningkat sebanyak 15.6% disebabkan

terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi dari pembeli utama, iaitu Jepun dan Korea Selatan, memandangkan harga eksport merosot pada suku tersebut.

Imbangan perdagangan



Corak perdagangan terus beralih ke pasaran di rantau ini. Pertumbuhan eksport yang mantap ke negara-negara serantau (tidak termasuk Jepun) disokong oleh pertumbuhan eksport ke Republik Rakyat China dan Korea yang kukuh. Ekoran daripada prestasi ekonomi negara-negara Kesatuan Eropah (KS) yang bertambah baik, eksport ke KS berkembang manakala eksport ke Amerika Syarikat terus meningkat, mencerminkan pertumbuhan dalam eksport barangan elektrik dan elektronik.

Import kasar meningkat sebanyak 23.4%, iaitu pertumbuhan tertinggi sejak suku ketiga tahun 2000. Pertumbuhan import disokong oleh pertumbuhan pengeluaran dan eksport barangan elektronik dan elektrik yang lebih kukuh. Oleh itu, import barangan pengantara yang merupakan input kepada pengeluaran barangan perkilangan untuk pasaran eksport meningkat sebanyak 22.6%. Antara input yang mencatat peningkatan ketara termasuk bekalan perindustrian seperti logam dan barangan logam, dan barangan kimia. Import barangan pengantara yang lebih tinggi sebahagian besarnya menggambarkan pertumbuhan import alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) yang merangkumi terutamanya bahan elektronik dan alat ganti serta aksesori alat kelengkapan telekomunikasi.

Satu lagi perkembangan yang nyata adalah pertumbuhan ketara import barangan modal sebanyak 23.4%, yang menandakan kitaran meningkat yang lebih kukuh dalam pertumbuhan aktiviti pelaburan. Import barangan modal tidak termasuk barangan 'lumpy' meningkat sebanyak 11.1%. Peningkatan import untuk meningkatkan kapasiti berlaku dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam import peralatan jentera untuk sektor perkilangan, alat kelengkapan pejabat dan alat penjana, turbin, dan motor elektrik. Peningkatan aktiviti cari gali dan hiliran dalam industri minyak dan gas, ekoran daripada harga minyak yang tinggi, telah membawa kepada peningkatan import alat kelengkapan pembinaan dan perlombongan. Permintaan yang tinggi terhadap eksport komoditi serta perkembangan aktiviti perkapalan bagi menampung keperluan pasaran baru juga membawa kepada peningkatan penghantaran kapal dan pesawat udara baru pada suku pertama. Sejajar dengan penggunaan swasta yang mantap dan permintaan yang lebih tinggi pada musim perayaan, import barangan penggunaan meningkat sebanyak 14.3%. Seiring dengan itu, import bahan mentah dan diproses untuk

industri makanan dan minuman meningkat sebanyak 19.6% pada suku tersebut. Begitu juga dengan import barangan pengguna yang terus kukuh dan meningkat sebanyak 11.6%.

Pertumbuhan import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Ekonomi Umum (BEC)

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			RM juta
BARANGAN MODAL	**2.1**	**14.7**	**0.7**	**23.4**	**12,283.1**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	8.4	6.7	7.0	13.2	10,665.7
Alat kelengkapan pengangkutan	-49.9	203.7	-47.1	205.1	1,617.4
BARANGAN PENGANTARA	**3.4**	**18.4**	**6.5**	**22.6**	**63,853.5**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	37.6	9.9	13.3	31.8	2,135.6
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	8.9	17.5	3.4	24.8	19,584.9
Bahan api dan pelincir	31.0	18.7	23.2	-2.2	3,111.2
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	-2.3	19.3	7.6	23.4	37,105.1
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-5.3	16.8	-16.0	24.4	1,916.6
BARANGAN PENGGUNAAN	**4.6**	**6.5**	**-0.4**	**14.3**	**5,065.2**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	-3.5	9.8	-5.5	19.6	2,022.8
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	104.7	125.9	90.8	-8.8	67.6
Barangan pengguna, t.s.t.l.	8.8	2.6	1.3	11.6	2,974.8
Barangan tahan lama	*22.4*	*-22.2*	*-2.0*	*9.0*	*687.6*
Barangan separa tahan lama	*-9.3*	*9.4*	*-5.1*	*15.7*	*975.2*
Barangan tidak tahan lama	*18.6*	*16.7*	*8.9*	*10.2*	*1,312.0*
BARANGAN DUA GUNA	**28.8**	**23.2**	**15.2**	**22.2**	**2,179.7**
LAIN-LAIN	**3.5**	**-5.0**	**-4.4**	**7.5**	**1,701.9**
IMPORT TERTANGGUH	**3.8**	**16.6**	**5.1**	**21.8**	**85,083.4**
EKSPORT SEMULA	**13.2**	**3.1**	**-4.4**	**82.0**	**3,450.9**
IMPORT KASAR	**4.0**	**16.1**	**4.8**	**23.4**	**88,534.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Bilangan ketibaan pelancong mencatat paras tinggi

Ketibaan pelancong meningkat sebanyak 38.4% kepada 4 juta orang pada suku pertama tahun 2004, iaitu bilangan ketibaan pelancong suku tahunan tertinggi yang pernah dicatat. Peningkatan yang ketara dalam ketibaan pelancong adalah hasil peningkatan dalam bilangan ketibaan pelancong dari Singapura, Thailand dan Republik Rakyat China yang masing-masing meningkat sebanyak 66.3%, 32.9% dan 15.9%. Pelancong dari negara-negara ASEAN mencakupi sebanyak 79.4% daripada jumlah ketibaan pelancong. Ketibaan pelancong yang lebih tinggi mencerminkan prestasi ekonomi yang bertambah baik, terutamanya di negara-negara serantau, hubungan penerbangan yang lebih banyak sejajar dengan pertambahan bilangan penerbangan, penyambungan semula penerbangan dari Eropah oleh sebuah syarikat penerbangan Eropah dan tambang pada harga promosi yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan tambang murah.

Ketibaan Pelancong Sukuan



Aliran masuk pelaburan portfolio lebih besar

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar dana untuk pelaburan jangka panjang (FDI) adalah lebih tinggi berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2003, iaitu berjumlah RM3.4 bilion. Sebahagian besar daripada aliran masuk FDI disalurkan ke sektor perkhidmatan, khususnya sub-sektor perkhidmatan, perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit. Sektor perkilangan, khususnya elektrikal dan elektronik dan aktiviti berkaitan petroleum terus menerima aliran masuk FDI yang besar. Setelah mengambil kira aliran keluar disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman oleh syarikat yang berkaitan, FDI mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion.

Aliran keluar kasar untuk pelaburan luar negeri kekal stabil pada RM2 bilion. Sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas. Terdapat juga pelaburan yang ketara oleh syarikat perkilangan, khususnya daripada industri berkaitan petroleum dan elektrikal dan elektronik, serta sektor perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan oleh syarikat industri pembinaan meningkat sedikit, berikutan kejayaan pembidaan projek besar, khususnya di India. Dengan mengambil kira aliran masuk untuk pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang rendah sedikit berjumlah RM1 bilion.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM16.3 bilion, mencerminkan sentimen pelabur yang bertambah baik dan penglibatan aktif pelabur asing dalam pasaran saham berikutan pengumuman prospek ekonomi Malaysia yang lebih baik.

Hutang luar negeri berkurangan lagi

Hutang luar negeri Malaysia berkurangan lagi kepada RM184.6 bilion atau AS$48.6 bilion pada akhir bulan Mac 2004 (S4 2003: RM186.1 bilion), bersamaan dengan 46.9% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** berkurangan sebanyak 1.9% kepada RM149.8 bilion atau AS$39.4 bilion (S4 2003: RM152.6 bilion), mencerminkan pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh kedua-dua sektor iaitu sektor awam, terutamanya perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan sektor swasta. Pada suku pertama, pengambilan pinjaman luar negeri adalah nyata lebih rendah (+RM0.3 bilion; S4 2003: +RM2.2 bilion) dengan tiada pinjaman baru oleh sektor awam. Pada sektor swasta, pembayaran balik dilakukan terutamanya oleh syarikat perlaburan induk serta syarikat dalam sektor perkilangan.

Hutang Luar Negara



1/ Tidak termasuk mata wang dan deposit dalam institusi-institusi perbankan yang dimiliki oleh bukan pemastautin

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat sedikit kepada RM34.9 bilion atau AS$9.2 bilion (S4 2003: RM33.5 billion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman luar negeri sektor perbankan. Ini berikutan pinjaman asing antara bank-bank yang lebih tinggi yang seterusnya didepositkan di luar negeri sebagai sebahagian daripada aktiviti operasi kewangan serantau bank. Pada akhir bulan Mac 2004, hutang jangka pendek hanya mencakupi 18.9% daripada jumlah hutang luar negeri, dan adalah kira-kira 17.9% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2003		2004
	S1	S4	S1 [a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	156.8	152.6	149.8
Sektor awam	102.3	96.8	94.3
Sektor swasta	54.5	55.8	55.5
Hutang jangka pendek [1]	30.9	33.5	34.9
Jumlah hutang luar negeri	187.7	186.1	184.6
- bersamaan AS$ bilion	49.4	49.0	48.6

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa terus meningkat

Trend peningkatan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berterusan pada suku pertama tahun 2004. Pada 31 Mac 2004, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM195.1 bilion atau AS$51.3 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM24.6 bilion atau AS$6.5 bilion sejak akhir tahun 2003. Peningkatan rizab pada suku pertama tahun 2004 disokong terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih tinggi, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio yang lebih besar sejajar dengan pencapaian yang bertambah baik di pasaran saham. Paras rizab juga telah mengambil kira kerugian daripada pelarasan penilaian semula pertukaran asing suku tahunan sebanyak AS$421 juta.

Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM204.7 bilion atau AS$53.9 bilion pada 14 Mei 2004, mencerminkan pembawaan pulang perolehan eksport yang berterusan, pengambilan pinjaman luar negeri dan aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing yang berterusan. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan adalah 5.5 kali hutang luar negeri jangka pendek

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Defisit yang lebih kecil

Pada suku pertama, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak RM3.2 bilion atau 3.1% daripada KDNK. Kedudukan fiskal yang lebih baik disebabkan oleh kutipan hasil yang lebih kukuh di samping perbelanjaan pembangunan kasar yang lebih rendah. Pada suku tersebut, kutipan hasil yang lebih tinggi diperoleh daripada hasil cukai langsung dan hasil bukan

cukai. Oleh sebab permintaan sektor swasta telah menjana pertumbuhan yang lebih kukuh, pihak Kerajaan telah mengagihkan perbelanjaannnya mengikut keutamaan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan tersebut disalurkan ke sektor pendidikan, pengangkutan, kesihatan dan perumahan. Mudah tunai pasaran dalam negeri yang mencukupi membolehkan Kerajaan membiayai defisit dengan memperoleh dana pada kos faedah yang rendah dari pasaran dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2004, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan kekal pada tahap berhemat iaitu pada RM194.2 bilion atau 46.5% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan juga kekal rendah pada 20.2% daripada jumlah hutang luar negeri atau 8.9% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]



a Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]

	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	13.7	34.6	92.8	17.7
% perubahan tahunan	*-20.0*	*26.5*	*11.1*	*29.3*
Perbelanjaan mengurus	12.8	22.4	75.2	16.2
% perubahan tahunan	*-13.3*	*-0.5*	*9.5*	*26.7*
Akaun semasa	**1.0**	**12.2**	**17.6**	**1.6**
% daripada KDNK	***1.0***	***11.6***	***4.5***	***1.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	7.8	14.3	39.4	4.9
% perubahan tahunan	*101.4*	*-5.5*	*9.4*	*-38.0*
Terimaan balik pinjaman	0.1	0.4	0.8	0.1
Imbangan Keseluruhan	**-6.8**	**-1.8**	**-20.9**	**-3.2**
% daripada KDNK	***-7.3***	***-1.7***	***-5.3***	***-3.1***
Memo				
Jumlah perbelanjaan kasar	20.6	36.8	114.6	21.0
% perubahan tahunan	*10.7*	*-2.5*	*9.5*	*2.1*
Jumlah Hutang Kerajaan Malaysia				
(pada akhir tempoh) (RM bilion)	175.3	188.8	188.8	194.3
% daripada KDNK	*44.5*	*47.9*	*47.9*	*46.5*
Dalam negeri (RM bilion)	135.9	151.5	151.5	157.0
% daripada KDNK	*34.5*	*38.4*	*38.4*	*37.6*
Luar Negeri (RM bilion)	39.4	37.3	37.3	37.3
% daripada KDNK	*10.0*	*9.5*	*9.5*	*8.9*

a Awalan